

BN-Pas kerja keras galak mengundi Sabtu ini

GERIK, Rabu— Di samping berkempen menaikkan nama calon, Barisan Nasional dan Pas kedua-duanya bekerja keras menggalakkan para pengundi supaya keluar membuang undi Sabtu ini.

Para pemerhati politik di sini berkata, faktor ini tidak dapat diabaikan kerana sudah menjadi kebiasaan bahawa para pengundi tidak begitu berminat dalam pilihanraya kecil, berbanding dengan pilihanraya umum.

Perkara ini menjadi lebih penting kepada Barisan Nasional memandangkan ia bukan sahaja ingin mengekalkan kerusi itu tetapi juga berusaha menambah majoriti.

Ceramah

Matlamat Barisan Nasional, terutama Umno, tidak mungkin tercapai jika para pengundi mereka, kerana terlalu yakin calon Barisan Nasional akan menang, tidak keluar mengundi.

Dalam pilihanraya umum tahun lalu, Datuk Seri Haji Wan Mohamad Haji Wan Teh mengalahkan calon DAP, Encik Cha Ah Ka, dengan kele-

bihan 2,916 undi.

Oleh itu, dalam ceramah-ceramah dan kempen-kempen baik dari rumah ke rumah, Barisan Nasional juga menyeru para pengundi keluar beramai-ramai Sabtu ini.

Kempen begitulah sering ditekankan, terutama di kalangan suri-suri rumah, di kampung-kampung terpencil.

"Apa yang kami bangunkan ialah wawakil penyokong kami tidak mengundi kerana yakin undinya tidak akan membawa sebarang perubahan kerana ramai lagi pengundi Barisan Nasional lain akan mengundi.

"Kedudukan kami itu akan terjejas jika semua ramai berfikir demikian," tegas seorang pemimpin Barisan Nasional di markas pilihanraya di sini.

Kerana itu, katanya, langkah menggalakkan pengundi keluar turut kami tekankan dalam kempen kami.

Seramai 12,500 pengundi layak mengundi di Kemuning.

Dari jumlah itu, 7,816 ialah orang Melayu, 4,004 Cina, 441 India dan 221 lain-lain bangsa.